

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : STADIUM MELAWATI, SHAH ALAM, SELANGOR
Tarikh : 11-07-2006
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
KEBANGSAAN KALI KE-49 TAHUN 1427H/2006M

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin,
Menteri Jabatan Perdana Menteri dan
Yang Berbahagia Toh Puan Wan Naimah bte Wan Latif;

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo,
Menteri Besar Selangor Darul Ehsan dan
Yang Berbahagia Datin Seri Zahrah Bt. Kechik;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Haji Onn bin Haji Ismail,
Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor;

Yang Berhormat Dato' Ramli bin Mahmud,
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Para Peserta Tilawah Al-Quran, Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati
sekalian.

1. Terlebih dahulu saya merafa' rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana
mengizinkan kita berkumpul dalam satu majlis ilmu yang penuh keberkatan ini.

2. Begitulah juga segala puji bagi Allah kerana dengan limpah kurniaNya jua Majlis
Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan yang menjadi atur cara tetap negara dapat
dilaksanakan lagi. Sesungguhnya acara tahunan ini merupakan satu usaha
berterusan oleh pihak kerajaan ke arah mengangkat martabat kitab al-Quran yang
suci.

3. Nyatanya, keupayaan kita menjayakan program seumpama ini memberi impak
yang positif bahawa syiar Islam di Malaysia sentiasa berkembang secara progresif.
Sementak kedatangan Islam di zaman Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah ke
hari ini, sejarah merakamkan bahawa penghayatan dan pemahaman ajaran agama
telah menjadi paksi kepada umat Islam di Malaysia. Sehinggakan kini Malaysia telah
dikenali sebagai negara Islam contoh yang menjadi sumber rujukan kepada negara-
negara Islam yang lain.

4. Pengiktirafan yang diberi bukan sahaja dilihat dari sudut pembangunan negara, bahkan juga dari sudut penghayatan Islam secara teras dan dasar di tengah-tengah masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Hakikatnya kita mula menjadi peneraju kepada kepimpinan negara-negara Islam di peringkat antarabangsa dan juga bidang-bidang utama antaranya perbankan Islam serta penerokaan industri Hub Halal.

Saudara dan saudari sekalian,

5. Persoalannya di sini, adakah kita telah benar-benar menepati ciri-ciri negara Islam contoh yang layak diteladani oleh negara-negara Islam yang lain. Kita tidak boleh hanya berbangga dengan pencapaian yang ada, sebaliknya kita perlu memperbaiki sebarang kelemahan di samping memantapkan usaha untuk lebih berjaya. Ini benar kerana, jika kita meneliti sejarah kegemilangan tamadun Islam yang terdahulu, kita dapati bahawa asas kepada kejayaan umat Islam yang terdahulu adalah beristiqamah (tetap) dalam berpegang kepada ajaran Al-Quran.

6. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai "dustur hayat" (perlembagaan hidup) dan teras pembinaan masyarakat Muslim yang cemerlang. Jelasnya keakraban Al-Quran dengan umat Islam adalah bagai isi dan kuku. Kehadiran Al-Quran dalam diri setiap umat Islam adalah bagai obor bercahaya di malam hari dan keindahan sinar mentari di siang hari. Inilah resepi kejayaan sebenarnya yang perlu kita guna pakai seandai dan sekiranya kita ingin kekal berjaya.

7. Oleh yang demikian, umat Islam kini perlu terus menyemarakkan roh Al-Quran dalam kehidupan seharian. Sebagai wahyu dan mukjizat terbesar kepada Nabi Muhammad S.A.W, Al-Quran adalah panduan hidup yang lengkap, padat dan tepat. Sebagai umat Islam kita wajib meyakini bahawa Al-Quran adalah perlembagaan dan inti sari makna kehidupan di dunia dan akhirat. Kita juga dituntut untuk membaca, mendalami makna Al-Quran yang merupakan jawapan kepada pelbagai masalah dan persoalan duniawi.

Saudara dan saudari sekalian,

8. Kerana itulah, pada hemah saya tema yang dipilih pada tahun ini iaitu "Keunggulan Ilmu Teras Kegemilangan Ummah" perlu difahami dan direnungi maksudnya secara mendalam. Sememangnya, menuntut ilmu menjadi satu cabang utama jihad yang amat dititik beratkan oleh Allah SWT. Hanya dengan berbekalkan ilmu pengetahuan, kita dapat mengkaji al-Quran dan menjadikannya sebagai pedoman dalam membina umat yang dinamis, kompetitif dan berdaya maju.

9. Oleh kerana itulah, Al-Quran yang syumul itu perlu difahami sebagai kitab suci yang menyediakan pendekatan dan wasilah yang secukupnya untuk memandu manusia ke jalan yang lurus dan benar. Bahkan, jika di tafsir dengan lebih mendalam, Al-Quran juga adalah kitab "rahsia kejayaan" yang tersimpan di dalamnya pelbagai ilmu, maklumat, pedoman dan pengajaran untuk membolehkan umat Islam berjaya di dunia dan akhirat. Daripada fakta saintifik kejadian manusia dan cakerawala yang hebat hingga kepada suruhan menuntut ilmu, berniaga, bekerja, bermasyarakat dan bernegara, semua prinsip asasnya terkandung dalam Kitabullah ini.

10. Namun di sini, apa yang menjadi isu dalam konteks pemahaman terhadap Al-Quran ialah kedangkalan dan keketekan sebahagian umat Islam dalam mentafsirkan maknanya. Seheinggakan ada yang mengambil pendekatan langsung meletakkan nilai Al-Quran setaraf dengan buku-buku panduan dan karya manusia yang lain. Ini sudah tentu satu hal yang menyimpang dan memesongkan.

11. Pada hal, Al-Quran adalah Kalam Allah dan tidak mungkin dapat ditandingi oleh kebolehan manusia menulis dan berkarya. Ini di jelaskan dalam Al-Quran surah Al-Israk ayat 88 yang menegaskan, " katakanlah (hai Muhammad) sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa Al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan mampu membuat yang serupa dengannya, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain"

12. Sehubungan dengan ini juga, dalam pengamatan saya, ada satu hal lagi yang agak merunsingkan berlaku sejak kebelakangan ini kepada umat Islam, termasuklah golongan ilmuwan yang terdidik dengan pelbagai fahaman dan pendekatan. Mereka seakan-akan hilang keyakinan dan keberanian untuk memberi tafsiran terhadap ajaran Al-Quran secara yang lebih mendalam dengan turut mengambil kira faktor-faktor kontemporari. Barangkali keadaan ini disebabkan oleh kedangkalan ilmu dan kejumudan sikap yang terasuh dalam persekitaran masyarakat Islam yang juga tidak berapa maju dalam pelbagai bidang. Malah ada juga di kalangan ilmuwan Islam yang beranggapan bahawa tafsiran Al-Quran telah dibuat secukupnya oleh ilmuwan yang terdahulu dan berpadalah dengan apa yang telah di jelaskan. Ini ternyata satu pegangan yang tidak bijak malah merugikan umat Islam.

13. Oleh yang demikian, ramai yang langsung tidak lagi mepedulikan soal makna dan tafsiran di sebalik ayat-ayat dalam Al-Quran kerana hanya terhenti setakat mementingkan kemampuan membacanya sahaja. Persoalan yang lebih besar sebenarnya adalah untuk membina umat Islam yang mantap dan kukuh, menjadi bangsa yang maju dan bermaruah dari segi peradaban moden yang merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, teknologi, pendidikan dan budaya. Dari itu, setiap umat Islam perlu berusaha untuk memahami Al-Quran secara lebih holistik dan tidak setakat boleh membaca sahaja. Tugas ini adalah tugas dan tanggungjawab individu, ibu bapa, anak-anak, suami isteri. Ia sesuatu yang – fardu 'ain, bukan lagi fardu kifayah yang hanya perlu dilaksanakan oleh golongan ulama sahaja.

14. Bertolak dari sinilah, kita semua perlu celik Al-Quran dalam erti kata sebenarnya. Kita semua sememangnya beriman dengan penuh yakin bahawa Al-Quran itu diturunkan sesuai kepada semua batas zaman dan masa. Tentunya peristiwa turunnya ayat-ayat suci yang mengambil masa selama dua puluh dua tahun dua bulan dan dua puluh dua hari itu amat besar mukjizatnya. Bahkan lagi ia satu-satunya rujukan yang telah dibaca oleh ratusan juta manusia tanpa henti sejak lebih seribu empat ratus tahun dahulu. Hanya orang yang ingin mengambil peluang dan kebaikan darinya akan berjaya.

15. Makanya, kita mahukan usaha memahami Al-Quran tidak terbatas kepada kefahaman tentang makna terjemahannya ke bahasa Melayu. Gunakanlah segala kemudahan dan peluang yang ada kini untuk mempelajari dan memahirkan diri dalam bahasa Arab iaitu bahasa asal Al-Quran. Saya berpendapat ini telah menjadi satu kekurangan kepada kita yang membawa kepada kurangnya juga penghayatan disebabkan tidak memahami bahasa tersebut. Malah Al-Quran juga perlu dijiwai sepenuhnya. Pelbagai kaedah moden telah mula dipelopori dalam mempelajari Al-Quran kini. Terjemahannya telah di buat dalam lebih 60 bahasa. Bahkan Al-Quran versi multimedia kini semakin banyak di pasaran.

16. Oleh itu, peranan Al-Quran ini penting difahami oleh setiap umat Islam bagi memastikan terbinanya Generasi Al-Quran atau dalam istilah Bahasa Arab, Jil A-Quran yang mantap. Pada zaman Rasullullah S.A.W., Generasi Al-Quran, hidup dibayangi oleh ajaran dan pedoman Al-Quran. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai sumber inspirasi dan citra kehidupan, sama ada sebagai pendidik, pendakwah, pemimpin, pedagang, pujangga, saintis, pengurus, petani, pelayar atau golongan pekerja. Inilah yang menyebabkan terbinanya tamadun Islam yang teguh dan kuat. Menerusi generasi Al-Quran inilah juga terciptanya kegemilangan umat Islam dalam pelbagai lapangan sehingga menjadi empayar terbesar dan terkuat. Konsep dan pendekatan inilah inti pati pendekatan Islam Hadhari yang hendak kita bangunkan di Malaysia.

17. Selain daripada meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran dengan betul dan baik dalam segala segi, kita juga mengharapkan minat dan kesungguhan untuk mendekati, mempelajari dan menghayati Al-Quran akan meningkat, khususnya di kalangan generasi muda.

18. Oleh sebab itu, setelah 49 tahun kita mengadakan sambutan Majlis Tilawah peringkat kebangsaan, adalah amat rugi rasanya jika kita hanya berjaya mempertandingkan atau memperbaiki bacaan ayat-ayat suci al-Quran sahaja tanpa menghayati isi kandungannya.

19. Hakikatnya, al-Quran diturunkan untuk memberi tanggungjawab kepada manusia supaya membina tamadun yang unggul. Ia bukannya kitab agama dan ibadat melainkan apabila ia benar-benar dijadikan sumber tamadun dan pendorong kebangkitan. Al-Quran menuntut manusia supaya mengikuti semua ajarannya bagi memastikan segala objektif ini dapat direalisasi berlandaskan semua garis panduan yang ditetapkan oleh Allah.

20. Akhir kata budaya masyarakat Al-Quran hendaklah disemai tanpa jemu di kalangan kita berpaksikan ketakwaan, kejujuran, perpaduan, amanah dan sikap saling hormat-menghormati serta cintakan perjuangan untuk agama bangsa dan negara dengan sentiasa membesarkan nama Allah SWT.

Dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali ke-49.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.